

UNTUK SIARAN SEGERA

PENAMPILAN PANASONIC & PANAHOME DI PAMERAN & PERSIDANGAN TEKNOLOGI HIJAU DAN PRODUK EKOLOGI ANTARABANGSA MALAYSIA (IGEM) 2014

PERBANDARAN PANASONIC UNTUK MASYARAKAT, PERUMAHAN PANAHOME UNTUK KELUARGA

Kuala Lumpur, 16 Oktober 2014 - Dalam usaha untuk melaksanakan konsep "Kehidupan yang Lebih Baik, Dunia yang Lebih Baik" sejajar dengan teras falsafah pengurusan asas, Panasonic telah menerajui pelbagai cadangan dan penyelesaian yang mengagumkan untuk menambah baik kehidupan di serata dunia, dan meningkatkan lagi kemajuan masyarakat.

Berpegang kepada sentimen yang sama di Malaysia, Panasonic terus berusaha untuk berkembang dan mencipta kehidupan yang lebih baik bagi setiap pelanggan kami, serta berganding bahu dengan rakan-rakan niaganya untuk merealisasikan persekitaran hidup yang lebih baik melalui sumbangan kami terhadap alam sekitar dan aktiviti-aktiviti kami. Panasonic yang telah kian lama bertapak di Malaysia akan terus menyediakan produk dan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan kami di negara ini.

Panasonic pertama kalinya bertapak di Malaysia pada tahun 1965 sebagai sebuah pengeluar yang membawakan teknologi pembuatan terkini ketika itu kepada negara ini. Seterusnya pada tahun 1976, sebuah syarikat Jualan & Perkhidmatan atau kini dikenali sebagai Panasonic Malaysia telah ditubuhkan untuk memainkan peranan penting dalam menyediakan pelbagai barisan barangan elektrik dan elektronik untuk beberapa generasi pengguna isi rumah yang kemudiannya menyebatkan jenama Panasonic sebagai 'jenama isi rumah' dalam pasaran B2C Malaysia. Sejurus sebelum penghujung abad yang lalu, Panasonic mula menyediakan penyelesaian perniagaan dan meningkatkan kecekapan serta profesionalisme mereka secara progresif dalam penyelesaian lanjutan yang merangkumi bidang keselamatan, komunikasi, audio visual, dokumentasi dan yang terkinidalam penyelesaian tenaga keseluruhan bagi sektor B2B.

"Di IGEM 2014 yang akan datang serta pada masa hadapan, Panasonic Malaysia bersama-sama syarikat teknologi pembinaan mereka yang dinamakan PanaHome Malaysia, akan berusaha untuk menuju ke arah sebuah platform cadangan baru - dalam bentuk bangunan kediaman dan pembangunan perbandaran yang lestari," kata Yosuke Matsunaga, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Dalam usaha untuk menjadi sebuah syarikat yang tidak lagi hanya membekalkan produk elektrik & elektronik kepada isi rumah serta industri di seluruh Malaysia setelah sekian lama, Panasonic dengan usahasama bahagian teknologi pembinaan dinamikanya yang dinamakan PanaHome kini telah membentuk satu dimensi baru ke arah nilai-nilai yang bakal memberikan nafas baru kepada jenama Panasonic di negara ini.

PanaHome mempunyai reputasi yang kukuh di Jepun sebagai pembina dengan pengalaman lebih 50 tahun. Baru-baru ini, PanaHome telah mula berkembang secara strategik ke pasaran luar Negara. Taiwan dan Malaysia menjadi pasaran awal untuk pelaburan. Setelah menubuhkan PanaHome Malaysia Sdn Bhd pada tahun 2012 dan pembukaan rasmi rumah pameran di Bangsar pada tahun lepas, PanaHome memulakan perancangan bagi beberapa buah projek dan prospek untuk perancangan tempatan. Antara projek perintis yang berada dalam perancangan ialah pembangunan butik di Kuantan, banglo mewah mewah dengan kerjasama Gasing Sanctuary Ridge, pelaburan bangunan tinggi di Sentul dan pelbagai lagi.

Pengarah Urusan PanaHome Malaysia, Toshiro Baba berkata "Dari segi hasil jualan, PanaHome dengan sokongan Panasonic menasarkankan RM 30 Juta untuk pasaran Malaysia pada tahun ini." "PanaHome Malaysia juga berhasrat untuk mencapai sasaran utama sebanyak RM 450 Juta dalam pasaran tempatan menjelang tahun 2018" tambah Baba lagi.

Kenyataan yang dibuat oleh Panasonic Malaysia dan PanaHome Malaysia melalui penyertaan dalam pameran ini adalah untuk membentangkan secara holistik rangka kerja dan pelaksanaan realistik perbandaran pintar dan mampan yang mengutamakan gaya hidup masyarakat dan kehidupan lestari secara khusus sambil membina infrastruktur berasaskan teknologi maju.

Panasonic ingin memaparkan imaginasi pragmatic sebuah perbandaran hijau masa depan yang didorong oleh keindahan asas reka bentuk ruang harmoni, pendekatan revolusioner bagi struktur pembinaan rumah, sistem tenaga boleh dibaharui, mobiliti lanjutan dan penjagaan kesihatan, keselamatan dan kecemasan yang tersedia. Pameran ini akan membuktikan bahawa perbandaran masa hadapan seperti ini bukan lagi hanya rangka kerja konsep tetapi merupakan sebuah realiti, seperti yang dapat dilihat melalui pelbagai projek pembangunan yang berjaya dibangunkan oleh Panasonic dan PanaHome di Jepun, China dan beberapa perancangan yang berpotensi di Malaysia.

Pameran Panasonic & PanaHome semasa IGEM2014 akan dibahagikan kepada 3 segmen utama:

1. Perbandaran & Konsep Pembangunan Perbandaran Pintar Lestari (SST)

Pengisytiharan Eko untuk mengurangkan pengeluaran karbon dioksida di Asia Pasifik sebanyak 8 juta tan menjelang tahun 2016

Kajian Kes Projek Jepun 1: Perbandaran Pintar & Lestari Fujisawa

Kajian Kes Projek Jepun 2: Projek Perbandaran Ashiya Solar-Shima

Kajian Kes Projek China: Bandar Dalian BEST (Biodiverse Emerging Science Technology – Teknologi Sains Terkini Biopelbagai)

Projek Tempatan 1: Projek Pembangunan PanaHome Kuantan

Projek Tempatan 2: Rumah Banglo di Gasing Sanctuary Ridge

2. Pameran Struktur Rumah & Konsep Dalaman

Konsep struktur dan pembinaan pasang siap berkualiti tinggi PanaHome seperti PowerTech & sistem WallPre-Cast yang membolehkan pembinaan yang pantas

Ciri PURE Tech yang menekankan penyelesaian tersedia kualiti udara dalaman dalam struktur bangunan, dalam mencapai persekitaran dalaman yang sihat

Persilangan & komposisi dinding PanaHome yang melibatkan penebatan, pementakan, pelapisan, pengemasan dan perlindungan

Konsep Sistem Tenaga Rumah Pintar dengan pemantauan tenaga & peranti kawalan menggunakan platform Sistem Bilik Hijau

Penyelesaian Sistem Dapur (disepadukan dengan peranti storan dapur Panasonic 'Shi-Ma-U', peralatan 'econavi' & produk utama 'Panasonic Cooking' seperti pembuat roti, mesin espresso & ketuhar gelombang mikro)

Peranti perumahan & kelengkapan Panasonic, terutama sekali barisan 'Veritis' yang terdiri daripada lantai lamina bertekstur, rak kasut berputar, pintu, tangga sistem, penyangkut pakaian & skrin dinding)

3. Pameran Bahagian Luar Rumah

Ciri KIRA Tech menggunakan jubin 'photocatalytic' yang boleh membersihkan sendiri dengan hanya air hujan dan berkeupayaan unik untuk memecahkan nitrogen oksida toksik dalam udara

Bumbung bersolar penuh dikuasakan oleh modul solar Panasonic HIT, yang pada masa ini memegang rekod dunia dalam kecekapan penukaran sel sebanyak 25.6%

Sistem pengaliran air hujan

Sistem Mengecas Kenderaan Elektrik dengan kerjasama * Nissan Leaf, ihsan daripada Edaran Tan Chong Motors

Kotak surat Panasonic gaya Jepun yang digabungkan dengan interkom video untuk keselamatan

* Nissan LEAF, ihsan daripada Edaran Tan Chong Motors & komitmen mereka terhadap eko-mobiliti, merupakan kenderaan emisi sifar bergaya yang memberikan prestasi pemanduan hebat yang boleh dikuasakan dengan Pengecap Panasonic ELSEEV EV. Nissan Leaf yang merupakan kenderaan elektrik paling laris dalam sejarah, dengan lebih daripada 120,000 unit yang dijual di seluruh dunia setakat ini, kini boleh didapati di Malaysia. Nissan LEAF sangat ekonomi untuk digunakan, kira-kira 75% lebih murah berbanding kos penggunaan bahan api untuk kenderaan yang menggunakan petrol (berdasarkan kadar elektrik semasa di Malaysia). Penyelenggaraan juga rendah kosnya berdasarkan penjimatan 80% dalam tempoh 5 tahun berbanding kenderaan yang menggunakan petrol. Di IGEM2014 ini, Nissan LEAF putih buat pertama kalinya akan dipamerkan dan bukan versi biru seperti yang pernah dipamerkan sebelum ini.

Panasonic percaya bahawa kediaman yang memelihara kehidupan di dalamnya dan mengekalkan keharmonian dengan persekitaran luar, untuk hari ini dan masa akan datang, merupakan aset kebanggaan bagi keluarga, masyarakat dan dunia pada amnya. Melalui penyertaan di IGEM2014, Panasonic mahu mengukuhkan komitmennya dalam memberi masyarakat Malaysiasebuah "Kehidupan yang Lebih Baik, Dunia yang Lebih Baik" melalui pelbagai teknologi dan kemajuan yang ada.

Menurut Tan Chee Hon, Pengurus Besar Jabatan Inovasi Eko, "Kami mahu para pengunjung kami tahu bahawa Panasonic Malaysia bersama-sama PanaHome Malaysia dapat menyediakan rangka kerja penuh & lengkap untuk Perbandaran Pintar Lestari, yang merangkumi konsep pintar PanaHome (dengan binaan lengkap sebuah rumah), yang dilengkapi kemasan berkualiti tinggi dan malarhijau berserta kelengkapan Panasonic Life yang inovatif dan terkini."

Ayuhlah ke Pameran 'Kehidupan yang Lebih Baik, Dunia yang Lebih Baik' Panasonic/PanaHome di IGEM 2014 (Pameran & Persidangan Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa Malaysia), dari 16-19 Oktober 2014 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Perbandaran Pintar dan Lestari Panasonic, aspirasi gaya hidup dan teknologi perumahan generasi akan datang yang dibawakan oleh PanaHome.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di www.pmpressroom.com

Mengenai PanaHome Malaysia Sdn Bhd

PanaHome Malaysia Sdn Bhd adalah sebuah syarikat gabungan yang menyediakan teknologi & penyelesaian bangunan berdasarkan konsep prarekaan & reka bentuk lestari. PanaHome Malaysia Sdn Bhd mempunyai matlamat untuk menyediakan perumahan yang ideal dengan tumpuan berterusan terhadap masa depan tenaga dan persekitaran untuk membantu pelanggan merealisasikan rumah impian mereka. Dengan memanfaatkan keupayaannya yang luar biasa dalam bidang reka bentuk yang dibina selama lebih 50 tahun dalam industri perumahan Jepun serta teknologi tenaga lanjutan daripada Kumpulan Panasonic, PanaHome menawarkan gaya hidup pintar untuk generasi akan datang yang memberikan kehidupan yang selesa sambil memastikan pemuliharaan alam sekitar. Melalui perkembangan penyelesaian pintar dari rumah-rumah ke seluruh bandar, PanaHome ingin meningkatkan gaya hidup “Eko & Pintar” dalam pelbagai aktiviti perniagaan, termasuklah pengubahsuaian semula rumah dan perkhidmatan pengurusan aset. Dengan memanfaatkan kekuatan komprehensif untuk memenuhi keperluan setiap pelanggan kami, PanaHome komited dalam menyumbang kepada gaya hidup dan masyarakat pada masa hadapan.

Media Contact: Mazlee Mokhtar
Senior Executive, Corporate Communications & Branding
Marketing Innovation Department
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com